

09/09/2003

Cara atasi sikap degil Singapura

SETIAP kali kita bersetuju duduk di meja rundingan dengan Singapura bagi menghuraikan pelbagai isu dua hala, maka jalan yang terbuka hanyalah kebuntuan. Rundingan semakin harga bekalan air dari Johor, pengeluaran caruman CPF, pencerobohan ruang udara, pembangunan tanah KTMB dan pemindahan pusat pemeriksaan Kastam dan Imigresen sudah lama terbantut. Isu pemilikan Pulau Batu Putih sudah pun dibawa ke Mahkamah Antarabangsa di The Hague. Terbaru berikutan kegagalan beberapa rundingan dengan republik itu mengenai isu penambakan laut di Selat Tebrau, maka Malaysia sudah tidak ada jalan lain kecuali merujuknya kepada pihak timbang tara antarabangsa mengikut Konvensyen PBB mengenai Undang-Undang Laut 1982.

Apa yang menghairankan Singapura tiba-tiba kecewa dengan tindakan kita dan mahu terus berunding sedangkan di meja rundingan ia bersikap keras kepala menegakkan pendiriannya. Bantahan Malaysia mengenai kesan penambakan di sekitar Pulau Tekong dan Ubin khususnya aliran arus deras dekat perairan Pularek, Tanjung Pengelih tidak dihiraukan langsung oleh republik itu. Sebagaimana ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang siri rundingan gagal, Singapura cuba pula memburukkan kita. Kini jelas Singapura enggan menjadi jiran yang baik dan sentiasa mahu mengeruhkan hubungan selain memutarbelit fakta demi kepentingannya sendiri saja. Ia sentiasa mahu mengambil kesempatan daripada sikap baik kita tanpa menghiraukan kesan buruk penambakan laut itu.